

Kaunter gerai jualan Pesta Konvo USIM dibuka



DUA peniaga berminat hendak menempah lot gerai sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 2 Nov.- Jualan lot gerai sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Putrajaya awal bulan depan mendapat sambutan menggalakkan apabila semua lot habis dijual dalam tempoh dua jam.

Bagaimanapun lot gerai sempena Pesta Konvokesyen USIM Kesembilan di Stadium Tertutup Nilai masih boleh didapati dan terbuka kepada mereka terutama peniaga yang berminat untuk mengambil bahagian.

Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) USIM, Zaharah Zainal Abidin berkata, sambutan yang diberi amat menggalakkan apabila mereka datang seawal pukul 6.30 pagi untuk menempah lot gerai berkenaan.

"Kami membuka kaunter pada pukul 9 pagi tetapi Galeri HEP mula dikunjungi penggerai dan penyewa seawal 6.30 pagi kerana mereka tidak mahu melepaskan peluang untuk memeriahkan pesta konvokesyen itu," katanya.

Pesta konvokesyen itu akan berlangsung mulai 1 hingga 4 Disember depan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan juga di Stadium Tertutup Nilai.

Zaharah menyifatkan sambutan yang diberi sebagai petanda cukup baik.



"Pesta ini dijangka mampu menarik perhatian ramai khususnya masyarakat setempat kerana USIM dengan kerjasama Kumpulan Utusan akan menyediakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang

pesta tersebut.

"Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan termasuklah konsert Pancaindera, pertandingan memancing, pertandingan nasyid, futsal dan bola jaring terbuka, pameran *autoshow* dan banyak lagi," katanya.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai gerai jualan di Stadium Tertutup Nilai bolehlah menghubungi Mas di talian 013-259 6525 atau Taqi di talian 019-552 9364.